

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL KOMUNITI HIJAU**  
**3 NOVEMBER 2012 (SABTU), JAM 2.00 PETANG**  
**KONKUS MEGAMAL PINANG**

---

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan  
Lalulintas

**Yang Berhomat Tuan Tan Cheong Heng**

ADUN Padang Lalang

**Yang Dihormati En Soon Lip Chee**

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Mesra Alam LA21 MPSP

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati Cik Sri Husnaini binti Sofian**

Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Women's Development Corporation (PWDC)*

**Yang Dihormati Dr Cecilia Ng**

Ahli Lembaga PWDC dan Penasihat *Gender Responsive Budget (GRB)*

**Yang Dihormati En. Ng Hooi Lan**

JMC Pasaraya Megamal Pinang

Ketua-Ketua Jabatan MPSP dan Wakil-Wakil PWDC

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadiri sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Sejahtera

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majlis Pelancaran Karnival Komuniti Hijau pada petang ini. Ucapan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis ini dan seterusnya melancarkan Karnival Komuniti Hijau pada petang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Karnival Komuniti Hijau merupakan insiatif dibawah Local Action 21 (LA21) MPSP dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Tahun ini merupakan kali pertama LA 21 MPSP bekerjasama dengan PWDC untuk mengadakan Karnival ini yang bertemakan “Meraikan Komuniti Hijau”. Objektif Karnival ini diadakan adalah untuk meraikan penglibatan masyarakat dalam aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar termasuk program kitar semula, pengkomposan dan kepekaan masyarakat tentang kebersihan alam sekitar. Selain itu, tujuan karnival ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai aktiviti yang telah dijalankan di Seberang Perai serta saluran - saluran yang berpotensi untuk melibatkan masyarakat.

Penekanan Karnival Komuniti Hijau adalah khusus untuk meraikan komuniti. Pelbagai pertandingan akan diadakan khususnya untuk generasi muda yang melibatkan golongan kanak - kanak, remaja dan tidak dikecualikan juga golongan ibu bapa dalam meraikan penglibatan aktiviti - aktiviti berkaitan dengan alam sekitar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada beberapa pihak yang menjayakan Karnival Komuniti Hijau yang akan berlangsung untuk 2 hari iaitu pada hari ini dan esok. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Megamal Pinang kerana menaja lokasi kepada

MPSP dan PWDC untuk mengadakan program. Megamal Pinang bukan sahaja menaja lokasi untuk program ini sahaja tetapi juga beberapa program - program lain. Terima kasih.

Disamping itu, ucapan terima kasih kepada sekolah - sekolah dan organisasi yang mengadakan pameran iaitu SMK Dato' Onn, Butterworth, SK Permatang To Kandu, Permatang pauh dan SJK (C) True Light. Sekolah-sekolah ini juga merupakan peserta yang mengambil bahagian dalam Anugerah Sekolah Hijau dan menjadi pemenang dalam anugerah tersebut.

Ucapan terima kasih kepada Pusat Sumber Alam Sekitar SPU yang sentiasa bersama - sama dengan MPSP dalam usaha meningkat kesedaran masyarakat tentang aktiviti - aktiviti menjaga dan memulihara alam sekitar. Sempena dengan karnival ini, mereka juga mengadakan pameran.

Selain daripada pameran sekolah - sekolah, MPSP dan PWDC juga terlibat dalam pameran selama dua hari ini. Tuan - tuan dan puan - puan boleh melawat gerai - gerai pameran untuk lebih mengetahui apa aktiviti - aktiviti yang dijalankan oleh MPSP dan juga PWDC.

Untuk makluman tuan - tuan dan puan - puan sekalian, pada 31 Oktober yang lalu, saya baru sahaja merasmikan Program Anugerah Komuniti Mampan 2012/2013. Anugerah ini merupakan satu inisiatif MPSP dengan kerjasama Flextronics Penang untuk memberikan pengiktirafan kepada usaha - usaha dan

penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti dalam menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampuan sesebuah komuniti.

MPSP sentiasa bekerjasama dengan agensi - agensi kerajaan seperti PWDC dan agensi swasta seperti CIMB Bank, Flextronics Penang, Continental Automotive Components Malaysia dan juga NGO, CBO - Community Based Organization dalam usaha untuk meningkat kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan kaedah - keadah untuk memulihara alam sekitar. Contohnya, Program Pengurusan Sisa Dapur Organik yang dijalankan di taman - taman perumahan dan perkampungan terpilih dengan kerjasama CIMB Bank, Anugerah Sekolah Hijau yang ditaja oleh Continental Automotive Components Malaysia.

Program ini telah dapat berlangsung dengan jayanya kerana adanya kerjasama dan sokongan daripada komuniti dan juga pihak sekolah. Oleh itu, karnival yang diadakan adalah untuk meraikan penglibatan masyarakat dalam aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar.

Terima kasih kepada pihak Megamal Pinang, pihak sekolah, komuniti, peniaga - peniaga yang bersama - sama meraikan program ini.

Sebelum mengundurkan diri, saya bagi pihak MPSP untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama - sama dan membantu MPSP usaha - usaha untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menarik pelaburan.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.